

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA EKONOMI (NATIONAL KEY ECONOMIC AREA) (NKEA) PERTANIAN

1. Sektor Pertanian telah dikenal pasti sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (*National Key Economic Area*) (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme) (ETP).
2. NKEA Pertanian akan memberi fokus kepada subsektor yang mempunyai potensi pertumbuhan yang besar yang dapat membantu Malaysia untuk turut sama menyertai pasaran global yang semakin berkembang. Dalam masa yang sama juga, tumpuan akan turut diberikan kepada subsektor strategik dalam usaha menjamin bekalan makanan Negara.
3. Untuk itu, 16 Projek Permulaan (Entry Point Project) (EPP) dan 11 Potensi Perniagaan (Business Opportunities) (BO) telah dikenal pasti yang disasarkan akan memberikan Keseluruhan Pendapatan Negara (Gross national Income) (GNI) berjumlah RM21.44 Billion dan mewujudkan peluang pekerjaan baru sebanyak 74,600, di mana sebahagian besar daripadanya akan diwujudkan di kawasan luar bandar.
4. 16 EPP yang dikenal pasti adalah seperti berikut:
 - (i) EPP 1 – Pembangunan Produk Herba Bernilai Tinggi
 - (ii) EPP 2 – Peningkatan Pengeluaran Sarang Burung Walit
 - (iii) EPP 3 – Penerokaan Industri Rumpai Laut melalui Konsep Ladang Mini di Sabah.

- (iv) EPP 4 – Pembangunan Ternakan Dalam Sangkar Secara Bersepadu
 - (v) EPP 5 - Pentenakan Lembu Secara Integrasi di Ladang Kelapa Sawit
 - (vi) EPP 6 - Pereplikasian Model (IZAQ) Akuakultur Bersepadu
 - (vii) EPP 7 - Pembangunan Keupayaan untuk Penghasilan Buah-buahan dan Sayur-sayuran bagi Pasaran Premium
 - (viii) EPP 8 - Penubuhan Taman Pemakanan Bersepadu
 - (ix) EPP 9 - Pembangunan Varieti Beras Wangi
 - (x) EPP 10 - Pengukuhkan Produktiviti Penanaman Padi di Kawasan Muda (MADA)
 - (xi) EPP 11 - Pengukuhkan Produktiviti Penanaman Padi di Lain-lain kawasan Pengairan
 - (xii) EPP 12 - Pengukuhkan Syarikat Penaung dalam Ternakan Lembu Fidlot
 - (xiii) EPP 13 - Pembangunan Kelompok Ladang Tenusu di Malaysia
 - (xiv) EPP 14 – Pembangunan Industri Benih
 - (xv) EPP 15 – Pelaburan Asing dalam Bioteknologi Pertanian
 - (xvi) EPP 16 – Pelaburan Luar Negara dalam Industri Ternakan
5. 11 Potensi perniagaan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:
- (i) BO 1 – Produk nutrasutikal
 - (ii) BO 2 – Pengedaran luar negara
 - (iii) BO 3 – Penternakan ikan hiasan
 - (iv) BO 4 – Kilang makanan bagi akuakultur
 - (v) BO 5 – Pusat eksport akuakultur
 - (vi) BO 6 – Industri makanan ringan (snack)
 - (vii) BO 7 – Ternakan ayam di lading kelapa sawit

- (viii) BO 8 – Penanaman cendawan butang (button mushroom)
 - (ix) BO 9 – Produk buah-buahan siap dimakan
 - (x) BO 10 – FDI dalam bidang herba
 - (xi) BO 11 – Industri pemprosesan makanan oleh syarikat luar negara
6. Pelaburan yang diperlukan untuk melaksanakan EPP yang telah dikenal pasti adalah dianggarkan berjumlah RM18.9 bilion. Daripada jumlah pelaburan tersebut, 44 peratus (RM8.2 bilion) adalah pembiayaan dari sektor awam manakala 56 peratus (RM10.7 bilion) adalah dari sektor swasta. Manakala bagi 10 Potensi Perniagaan, pelaburan berjumlah RM2.9 Billion melibatkan pembiayaan oleh sektor swasta.